

KAJIAN EKSPLORASI BAHAN DAN TEKNIK DALAM PENGHASILAN KARYA

ARCA YANG BERBENTUK DIORAMA

Oleh

ALIA NAJIHA BINTI JAMALUDDIN

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA

KELANTAN

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil daripada kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama Pelajar : Alia Najiha Binti Jsmauddin

No Matriks : C17A0014

Tarikh:

Disahkan Oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop:

Tarikh:

ABSTRAK

Kajian ini menyedari peranan tradisional yang dimainkan oleh diorama sebagai media yang berkesan untuk pendidikan muzium dan menggunakan kaedah deskriptif dan eksperimen untuk menghasilkan diorama untuk mempopularkannya. Ia meneroka penggunaan bahan dan teknik dalam penghasilan seni diorama. Oleh kerana itu, bahan-bahan dan teknik sangatlah penting dalam menghasilkan seni diorama. Selain itu, diorama dapat menjadi sebuah minimuseum, alat yang penyampaian bagi menyampaikan mesej serta teguran dengan hasil karya seni diorama yang dihasilkan. Seni diorama juga mampu memberi inspirasi dan mendidik orang ramai dengan penyampaian yang disampaikan.

ABSTRACT

This study recognizes the traditional methods played by dioramas as an effective medium for museum education and uses descriptive and experimental methods to create dioramas to popularize them. It explores the use of materials and techniques in the production of diorama art. Therefore, materials and techniques are very important in the making of diorama art. In addition, the diorama can be a minimuseum, a delivery tool for conveying messages and reprimands with the diorama artwork produced. The art of diorama is also able to inspire and educate the public with the presentation presented.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Yuhanis bin Ibrahim, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini.

Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (secara amnya) dan Universiti Malaysia Kelantan (secara khususnya). Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Jamaluddin bin Ahmad dan Puan Nadzriah binti Ibrahim yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ISI KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK

ABSTRACT

BAB 1 PENGENALAN

ISI KANDUNGAN

1-9

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.5 SKOP KAJIAN

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.7 LIMITASI KAJIAN

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

10- 27

PENGENALAN

2.1 SEJARAH DIORAMA

2.2 CIRI-CIRI DIORAMA

2.3 ISU COVID

2.4 PERANGKAIAN DATA KES COVID-19 MENGIKUT PKP FASA 1 HINGGA PKP FASA 3 DALAM LINGKUNGAN SOSIOLOGI MASYARAKAT MALAYSIA

2.5 ALAT DAN BAHAN DALAM MENGHASILKAN DIORAMA

2.5.1 PENYEDIAAN LAKARAN IDEA UNTUK MENGHASILKAN DIORAMA

2.5.2 PROSES MEMBENTUK DIORAMA

2.6 PENYEDIAAN LAKARAN IDEA UNTUK MENGHASILKAN DIORAMA

2.7 PROSES MEMBENTUK DIORAMA

2.8 ARTIS RUJUKAN

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN	28-35
3.0 PENGENALAN METODOLOGI	
3.1 INSTRUMEN KAJIAN	
3.2 KUALITATIF	
3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA	
3.3 ANALISIS DATA	
BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	36-55
4.0 DAPATAN KAJIAN	
4.1 TEMU BUAL	
4.2 ANALISIS JAWAPAN DALAM TEMU BUAL MELALUI APLIKASI WHATSAPP DAN ATAS TALIAN	
4.3 PENGHASILAN LAKARAN AWAL	
4.4 PEMILIHAN LAKARAN AKHIR	
BAB 5 KESIMPULAN	56
5.0 KESIMPULAN	
RUJUKAN	57

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Diorama bermaksud satu model tiga dimensi (3D) yang mempunyai pelbagai subjek utama yang mempamerkan keadaan yang sebenar. Kebiasaannya, diorama ini dipamerkan di dalam muzium bagi menceritakan peristiwa-peristiwa penting bagi tujuan pembelajaran. Seterusnya, diorama ini juga dijadikan sebagai aksesori seni atau perhiasan di dalam rumah. Terdapat kepelbagaian bentuk, saiz serta tahap ketelitian yang ada pada diorama itu sendiri.

Diorama dibina di atas permukaan yang khas dipanggil sebagai diorama base. Sejarah mencatat bahawa diorama wujud pada tahun 1823 dan berasal dari Perancis yang membawa maksud “melalui pandangan”. Daguerre dan Charles Marie Bouton telah membina diorama yang pertama dan ia dipamerkan pada 29 September 1823 di London. Disamping itu, Grigore Antipa merupakan manusia pertama yang telah memodenkan seni diorama dan beliau juga menekankan aspek tiga dimensi pada diorama tersebut. Muzium di Romania juga menggunakan diorama sebagai suasana di dalam muzium yang pertama pada tahun 1907. (Hazrin,2013). Menurut beberapa sumber, Claudia KamckeRainer Hutterer menyatakan mengenai sejarah diorama di dalam buku beliau yang berjudul Natural History Diorama

Modern dioramas are three-dimensional depictions of animal-landscape sceneries that include real or artificial models of animals in combination with background paintings and natural or artificial requisites. The theory behind these illusions stemmed partly from ideas such as Gilpin's "picturesque beauty", discussed by philosophers at the end of the eighteenth century. Technical innovations by Barker, Daguerre and others led to a rapid development of panoramas and dioramas which soon spread around the world. The concept of the habitat diorama was developed at the end of the nineteenth century in Europe and North America and also considered aspects of nature conservation.

Oleh itu, subjek utama kajian ini iaitu seni diorama yang diambil sebagai inspirasi pada arca yang bakal saya lakukan. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji impak penggunaan media dalam mempengaruhi audiens untuk memahami pengisian sesebuah arca yang dihasilkan.

Pandemic COVID-19 merupakan pandemik koronavirus atau wabak koronavirus ialah penyakit koronavirus 2019 yang sedang berlaku secara meluas berpunca daripada koronavirus sindrom penafasan yang teruk (SARS-CoV-2). Wabak ini pada awalnya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China dan telah diiktiraf sebagai pandemic oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga lebih daripada kes telah disahkan dengan lebih daripada kematian oleh COVID-19.

Coronavirus (CoV) merupakan sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran penafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus

(MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

Menurut Sinar Harian (2021), di Beijing terdapat sekumpulan saintis antarabangsa terdiri pakar dari 10 buah negara dan institut tiba di China untuk bersama-sama pakar tempatan bagi menjalankan kajian saintifik mengenai asal usul Covid-19 bermula hari ini (Khamis). Jurucakap Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr Margaret Harris ketika diwawancara wartawan CGTN telah memberikan butiran terperinci mengenai kandungan dan skala kajian yang akan dijalankan pasukan tersebut. Menurut beliau, pihaknya akan mendalami kajian tentang kes Covid-19 yang terawal ditemui di Wuhan dan pelbagai spesies haiwan yang mungkin terlibat wabak sambil menggunakan kaedah penyelidikan seperti serum darah makmal dan antibodi. Wabak Covid-19 telah menimbulkan cabaran kritikal bagi kesihatan awam, penyelidikan, dan komuniti perubatan.

Dalam kajian ini, metodologi yang akan digunakan ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mencapai objektif kajian. Beberapa kaedah bakal digunakan dalam menganalisis bagi mengetengahkan bukti yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah kajian adalah proses mengumpul maklumat sesebuah karya dihasilkan. Justeru, dengan terdapatnya kaedah kajian yang sistematik, proses kajian dan penghasilan karya akan berjalan lancar.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Menurut Sinar Harian (2021) Diorama merupakan model tiga dimensi atau rekaan miniatur pelbagai objek untuk menggambarkan situasi sebenar. Perkataan diorama diambil daripada Bahasa Perancis yang membawa maksud “melalui pandangan”. Jika dahulu kebanyakannya diorama diletakkan di dalam muzium digunakan untuk tujuan Pendidikan dan penceritaan mengenai peristiwa bersejarah.

Diorama moden kecil kerana ia dinilai dari sudut artistik dan ketelitian sehinggakan menjadi kegilaan kepada penggemar seni ini. Diorama ini memerlukan kesabaran serta ketelitian tinggi jika ingin merasai kepuasan hasil akhir seni diorama ini. Dua kriteria utama itu menyebabkan setiap hasil karya diorama kelihatan menarik dan ‘hidup’ di mata pemerhati.

Eddie Putera (2018) merupakan seniman yang berusia 51 tahun yang berasal dari Malaysia telah membuktikan bahawa diorama juga mampu menjadikan karya seni rupa yang memukau serta mempunyai daya tarikan. Dengan menggabungkan seni fotografi dan teknik pembuatan miniatur, beliau juga mampu mencipta situasi yang sebenar sehingga penonton menganggap karya yang dihasilkan oleh beliau seolah-olah kejadian yang sedang berlaku. Menurut maklumat yang diperoleh daripada beliau, beliau memerlukan sekitar lima hari ke enam hari untuk menyiapkan satu hasil diorama dengan ketelitian yang tidak diragukan.

Di dalam keratan akhbar Metro (2018). Hisyamuddin Hashim 22, seorang pemuda yang gemar akan seni diorama ini menyatakan bahawa membina diorama ini lebih

mencabar daripada membina replika jentera kerana memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi kerana setiap sekecil-kecil objek yang sebenar. Diorama ini memerlukan ketelitian yang tinggi supaya mendapat hasil yang cantik dan kemas.

Selain itu ialah, produktiviti pengarca. Menurut Syed Alwi (2014) menerusi pertandingan Bakat Muda Sezaman, pakar dan penggemar arca membincangkan mengenai produktiviti yang dihasilkan. Hal ini disebabkan, industri seni Malaysia mempunyai masalah dalam jumlah pengarca dan pelajar dalam bidang seni arca. Oleh itu, produktiviti yang dihasilkan lemah dan rigid.

Permasalahan penyesuaian amalan sosiobudaya yang berbeza dalam kalangan masyarakat Malaysia menjadi titik pemerhatian dalam kajian ini. Amalan yang menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat seperti saling bersalaman ketika bertemu sebelum ini, kini tidak lagi digalakkan dalam tempoh perebakan wabak Covid-19 kerana menjadi punca utama penularannya akibat sentuhan langsung. Begitu juga dengan amalan penjarakan sosial yang perlu dipatuhi terutamanya ketika membeli belah, membuat pembayaran di kaunter, ketika beratur di mesin pengeluaran wang (ATM) dan juga ketika pihak berwajib menjalankan tugas.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan bagi memnentukan objektif kajian yang hendak dicapai:

- i. Apakah tahap kesedaran orang awam mengenai seni diorama ini.
- ii. Bagaimana untuk mengaplikasikan seni diorama supaya orang awam memahami akan mesej yang ingin disampaikan.
- iii. Apakah kaedah keberkesanan penggunaan media dalam memberi impak atau mempengaruhi audiens untuk memahami pengisian sesebuah arca yang dihasilkan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif tersebut:

- i. Untuk menganalisis tahap kesedaran orang awam mengenai seni diorama tersebut.
- ii. Untuk mengaplikasikan seni diorama kepada orang awam supaya memahami akan penyampaian yang ingin disampaikan.
- iii. Untuk mengkaji keberkesanan penggunaan media dalam memberi impak atau mempengaruhi audiens untuk memahami pengisian sesebuah arca yang dihasilkan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini terbatas kepada seni diorama. Pengkaji mengkaji bahan dan reka bentuk dan corak yang bersesuaian untuk menghasilkan karya seni. Selain itu, pengkaji juga mengkaji tahap kesedaran masyarakat tempatan mengenai teknik dan bahan yang digunakan dalam menghasilkan seni diorama serta artis yang bergiat aktif dalam seni diorama.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji ingin mengenengahkan karya arca dari segi seni diorama sebagai subjek kajian bagi membuka mata masyarakat terhadap karya arca melalui penghasilan seni diorama sebagai medium dalam mempengaruhi audiens.

Oleh itu, dengan wujudnya kajian ini dapat melihat sejauh mana keberkesanan karya arca ini mempengaruhi masyarakat bagi menunjukkan bahawa arca ini juga boleh dijadikan sebagai alat penyampaian yang ingin disampaikan oleh seorang pengkarya kepada masyarakat untuk menganalisis tahap kesedaran masyarakat terhadap isu yang ingin disampaikan.

Disamping itu, tajuk kajian ini membolehkan audiens memahami dengan lebih mendalam berkenaan seni diorama menjadikan sebagai medium untuk berekspresi serta mengetengahkan konsep-konsep tertentu yang berkaitan dengan arca yang dihasilkan.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Ketika saya menjalankan kajian ini, saya tidak dapat menyempurnakan kajian ini dengan baik memandangkan faktor masa yang tidak mencukupi untuk saya mengumpul maklumat yang pelbagai berkaitan kajian saya. Dengan keadaan Malaysia yang kurang baik, saya terpaksa memilih masa yang sesuai untuk mencari maklumat di perpustakaan dan juga di laman web. Ini kerana, saya harus menjaga dan memantau ayah saya yang sakit, jadi saya cuba membahagikan masa saya dengan baik supaya saya mampu menyiapkan kajian saya pada tarikh yang dikehendaki.

Selain itu, limitasi kedua yang saya hadapi adalah kekurangan bahan rujukan berkaitan tajuk kajian saya. Sepanjang saya meneliti dan mengkaji tajuk kajian saya, saya mendapati sumber yang disediakan di laman web dan keratan akhbar tidak memberi maklumat yang saya kehendaki. Jadi saya terpaksa menggunakan pelbagai metodologi seperti temu bual dan soal selidik supaya saya dapat merangka data-data yang jelas dan tepat bersesuaian dengan konsep tajuk kajian saya. Dengan kemudahan kedua metodologi ini sedikit sebanyak membantu saya menyiapkan kajian saya dengan baik.

Akhir sekali, tajuk kajian saya hanya dilakukan dalam skop yang kecil sahaja sehingga menyukarkan saya dalam mengumpulkan maklumat yang lengkap semasa saya menjalankan kajian ini. Jadi, segala isu berkaitan kajian hanya menerangkan diorama dalam skop kecil tidak tertumpu kepada arca-arca lain. Oleh itu, saya berharap kajian saya dapat memberi pencerahan serba sedikit tentang diorama yang ingin saya bangkitkan dan dengan limitasi yang saya alami ini dapat menjadi titik permulaan kepada saya untuk menyediakan kajian yang baik di masa akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 MAKSUD KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini menjelaskan kupasan-kupasan kefahaman yang terdapat pada kata kunci yang berkaitan tajuk kajian ini. Hal ini juga telah menerangkan beberapa perkara yang membincarkan tentang sesuatu yang berkaitan dengan eksplorasi arca yang berkaitan.

Kajian lepas atau literature review bermaksud analisis yang berbentuk kritik sama ada ia membangun mahupun menjatuhkan. Hasil daripada penelitian yang dijalankan terhadap topik yang dikaji atau pertanyaan bagi sesuatu bahagian dari keilmua. Literature review ini bukan sahaja ringkasan kepada sesebuah kajian malah merupakan penyampaian ilmiah kepada permasalahan kajian tertentu yang dilakukan terhadap orang lain.

Terdapat dua tujuan literature review, pertamanya ialah kajian literature ini boleh dilakukan dengan matlamat untuk menulis bagi menerangkan tajuk kajian tersebut untuk mendapatkan kepentingan umum.

Tujuan yang kedua adalah bertujuan untuk kepentingan projek penelitian sendiri seterusnya membantu kita dalam menyelesaikan masalah penelitian dan mampu membantu kita dalam menentukan teori-teori serta kaedah-kaedah yang sahih digunakan dalam penelitian kajian tersebut.

2.1 SEJARAH DIORAMA

Diorama merupakan sejenis binaan yang berbentuk 3 dimensi (3D) yang mempunyai pelbagai subjek matter bagi menggambarkan suasana yang sebenar. Kedudukan suasana tersebut mestilah diletakkan di atas permukaan yang dipanggil base yang membolehkan kita melihat dari pelbagai sisi seperti sisi hadapan, sisi belakang dan lain-lain.

Pada tahun 1823, perkataan diorama berasal dari Perancis. Perkataan diorama ini membawa kepada maksud 'melalui pandangan'. Daguerre dan Charles Marie Bouton telah menghasilkan diorama yang pertama dan ia merupakan kali pertama yang dipamerkan di London pada 29 September 1823. Selain itu, Grigore Antipa juga merupakan orang yang pertama yang telah memodenkan diorama dengan menggunakan aspek 3 dimensi (3D).

Diorama merupakan gabungan persekitaran dan arca-arca yang mampu menghidupkan suasana tersebut. Sejarah bermulanya diorama dan dari mana asalnya sehingga kini masih belum diketahui ahli sejarah. Namun begitu dikatakan diorama adalah satu hasil perkembangan kreativiti dan plagiat teater di Eropah dan Amerika Syarikat pada abad ke-19. Dikatakan negara yang memperkenalkan dan mempopularkan diorama adalah negeri Jepun. Jepun telah begitu maju dalam industri pembuatan permainan kanak-kanak dan ini menjadikan diorama makin popular di Jepun.

2.2 CIRI-CIRI DIORAMA

Ciri-ciri diorama ini terdiri dari dua dimensi dan tiga dimensi. Objek tiga dimensi ini diperluaskan bagi kegunaannya dengan fiksyen, pensejarahan dan cerita rakyat. Semuanya mempunyai tujuan yang jelas iaitu bagi memperlihatkan semua unsur naratif melalui penampilan 3D dalam konteks diorama. Ciri-ciri utama kepada semua seni rupa 3D ialah hasilnya dapat dilihat dari pelbagai arah. Diorama juga boleh dilihat dari pelbagai arah iaitu sesi tepi, depan dan ada juga boleh dilihat dari arah atas. Ciri-ciri lain ialah iainya mempunyai ukuran panjang, lebar dan tinggi.

Sebuah diorama mestilah menepati tema dan tajuk. Tema dan tajuk ini amat sesuai bagi diorama yang digunakan untuk tujuan pengajaran. Selain itu, bahan binaan yang digunakan perlulah mempunyai tujuan hasilan.

Bahan dan segalanya mestilah kuat, kukuh dan selamat. Ianya juga perlu difikirkan untuk jangka hayat yang lebih lama supaya hasil karya lebih lama boleh dilihat. Bahan juga boleh dipelbagaikan dengan cara adunan dan pemasangan yang baik kerana ianya memberi satu gubahan yang artistik.

2.3 ISU COVID-19

Wabak terbaru novel SARS coronavirus - CoV - 2 (penyakit coronavirus 2019; sebelumnya 2019 - CoV), yang berpusat di Wilayah Hubei Republik Rakyat China, telah merebak ke banyak negara lain. Pada 30. Januari 2020, Jawatankuasa Kecemasan WHO mengisytiharkan darurat kesihatan global berdasarkan peningkatan kadar pemberitahuan kes di lokasi China dan antarabangsa. Kadar pengesanan kes berubah setiap hari dan dapat dikesan dalam masa hampir nyata di laman web yang disediakan oleh Johns Hopkins University 1 dan forum lain. Pada pertengahan Februari 2020, China menanggung beban morbiditi dan kematian yang besar, sementara kejadian di negara-negara Asia lain, di Eropah dan Amerika Utara masih rendah setakat ini.

Virus coronavirus adalah virus RNA besar untaian tunggal yang positif yang menjangkiti manusia, tetapi juga berbagai jenis haiwan. Coronavirus pertama kali dijelaskan pada tahun 1966 oleh Tyrell dan Bynoe, yang menumbuhkan virus dari pesakit dengan selesema biasa 2. Berdasarkan morfologi mereka sebagai virion sfera dengan cangkang inti dan unjuran permukaan yang menyerupai korona surya, mereka diistilahkan sebagai coronavirus (Latin: corona = mahkota). Terdapat empat subfamili, iaitu alpha-, beta-, gamma- dan delta - coronavirus. Sementara alfa dan beta-coronavirus nampaknya berasal dari mamalia, khususnya dari kelawar, virus gamma dan delta - berasal dari babi dan burung. Ukuran genom berbeza antara 26 kb dan 32 kb.

Di antara tujuh subtipe coronavirus yang dapat menjangkiti manusia, beta-coronavirus boleh menyebabkan penyakit dan kematian yang teruk, sedangkan alpha-coronavirus menyebabkan infeksi tanpa gejala atau simptomatik. SARS - CoV - 2 tergolong dalam keturunan B beta-coronavirus dan berkait rapat dengan virus SARS - CoV 3, 4. Empat gen

struktur utama mengekodkan protein nukleokapsid (N), protein lonjakan (S) protein membran kecil (SM) dan glikoprotein membran (M) dengan glikoprotein membran tambahan (HE) yang berlaku pada HCoV - OC43 dan HKU1 beta - coronavirus 5. SARS - CoV - 2 adalah 96% identik secara keseluruhan level tahap genom hingga coronavirus kelawar 4.

2.4 PERANGKAAAN DATA KES COVID-19 MENGIKUT PKP FASA 1 HINGGA PKP FASA 3 DALAM LINGKUNGAN SOSIOLOGI MASYARAKAT MALAYSIA

Pihak KKM telah mengelompokkan status kes Covid-19 di Malaysia kepada kes baharu, kes yang masih dirawat, kes sembuh, kes kematian baharu dan jumlah kes kematian. Melalui pemerhatian dalam pengelompokan bagi status kes, penulis dapat menyimpulkan bahawa penunjuk aras bagi kes baharu yang dapat dilihat pada setiap hari sepanjang PKP berlangsung menunjukkan tahap pematuhan terhadap PKP masyarakat Malaysia. Analisis perbincangan merangkumi 3 fasautama iaitu PKP Fasa 1, PKP Fasa 2 dan PKP Fasa 3. P

Fasa PKP	Tarikh PKP	Kes Baharu	Jumlah Kes Keseluruhan	Analisis Harian	Jumlah Peningkatan/ Penurunan Kes Baharu Mengikut Fasa	Analisis Fasa
Fasa 1	17 Mac 2020	120	673	Data asal		Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 1 dari 18 hingga 31 Mac 2020 ialah 2093 kes. Sepanjang tempoh tersebut trend penurunan kes ialah sebanyak 6 kali dan peningkatan kes sebanyak 7 kali
	18 Mac 2020	117	790	menurun	3	
	19 Mac 2020	110	900	menurun	7	
	20 Mac 2020	130	1030	meningkat	20	
	21 Mac 2020	153	1183	meningkat	23	
	22 Mac 2020	123	1306	menurun	30	
	23 Mac 2020	212	1518	meningkat	89	
	24 Mac 2020	106	1624	menurun	106	
	25 Mac 2020	172	1796	meningkat	66	
	26 Mac 2020	235	2031	meningkat	63	
	27 Mac 2020	130	2161	menurun	105	
	28 Mac 2020	159	2320	meningkat	29	
	29 Mac 2020	150	2470	menurun	9	
	30 Mac 2020	156	2626	meningkat	6	
Fasa 2	31 Mac 2020	140	2766	menurun	16	Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 2 bermula 1 April sehingga 14 April 2020 ialah 2221 kes telah menurun sebanyak 545 kes (24.54 %)
	1 April 2020	142	2908	meningkat	2	
	2 April 2020	208	3116	meningkat	66	
	3 April 2020	217	3333	meningkat	9	
	4 April 2020	150	3483	menurun	67	
	5 April 2020	179	3662	meningkat	29	
	6 April 2020	131	3793	menurun	48	
	7 April 2020	170	3963	meningkat	39	
	8 April 2020	156	4119	menurun	14	
	9 April 2020	109	4228	menurun	47	
	10 April 2020	118	4346	meningkat	9	
	11 April 2020	184	4530	meningkat	66	
	12 April 2020	153	4683	menurun	31	
	13 April 2020	134	4817	menurun	19	

Fasa 3	14 April 2020	170	4987	meningkat	36	Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 3 bermula 15 April sehingga 28 April 2020 ialah 864 kes telah menurun sebanyak 1,357 kes (38.9 %)
	15 April 2020	85	5072	menurun	85	
	16 April 2020	110	5182	meningkat	25	
	17 April 2020	69	5251	menurun	41	
	18 April 2020	54	5305	menurun	15	
	19 April 2020	84	5389	meningkat	30	
	20 April 2020	36	5425	menurun	48	
	21 April 2020	57	5482	meningkat	21	
	22 April 2020	50	5532	menurun	7	
	23 April 2020	71	5603	meningkat	21	
	24 April 2020	88	5691	meningkat	17	
	25 April 2020	51	5742	menurun	37	
	26 April 2020	38	5780	menurun	13	
	27 April 2020	40	5820	meningkat	2	
	28 April 2020	31	5851	menurun	9	

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.5 ALAT DAN BAHAN DALAM MENGHASILKAN DIORAMA

2.5.1 ALATAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


2.5.2 ALATAN MEMBUAT DIORAMA



Gambar 1: Peralatan menghasilkan diorama



Gambar 2: Perspektif dan plastik



Gambar 3: Set memotong

2.6 PENYEDIAAN LAKARAN IDEA UNTUK MENGHASILKAN DIORAMA

Diorama direka bentuk melalui perancangan yang jitu dan teliti. Perancangan ini dilakukan dengan mengambil kira pelbagai kesesuaian catan sebagai latar belakang diorama dan objek-objek tiga dimensi sebagai hal subjek diorama. Seterusnya pemilihan alat dan bahan, tema dan subjek serta olahan idea yang berpandukan kepada asas seni dan prinsip seni reka. Perkara-perkara berikut menjadi perhatian utama di dalam penghasilan diorama:

- 1) Menentukan Subjek dan Tema
- 2) Menentukan Alat dan Media

Setelah subjek dan tema di atas di pilih, perancangan pemilihan alat dan bahan menjadi kriteria yang penting. Pemilihan alat dan bahan mengambil kira keberkesanan dan relevannya hal subjek yang ingin diutarakan. Ciri-ciri bahan yang dipilih seharusnya tahan lama dan lasak kepenggunaannya. Bahan yang tidak lasak, mudah pecah, mudah rosak

tidak wajar diaplikasikan dalam penghasilan diorama. Konsep artistik diorama ditampilkan melalui pemilihan objek yang realistik tetapi cantik dan dikecilkan atau dimodelkan pada kadar atau nisbah gambar latar secara idealistik.

3) Memperinci Lakaran

Setelah memilih lakaran yang terbaik, fikirkanlah untuk memperkemaskan lagi reka bentuknya. Ia mengambil kira bahan, alat, tema, tempat peragaan dan konsep keseluruhan termasuk estetika dan etika dari diorama yang akan dihasilkan nanti.

4) Membuat Karya/Diorama

Buat kerangka dalam dan luar. Fikirkan aspek ruang, saiz mobail, keteguhan dan kesesuaian kerangka dengan dapatan. Dalam konteks ini, perkara-perkara yang berikut diambil pertimbangan;

- Bahan dan alatan,
- Kos pembinaan/buatan
- Masa yang diperlukan.
- Kesesuaian latar belakang, hal subjek dan latar hadapan.

2.7 PROSES MEMBENTUK DIORAMA

Setelah penyediaan lakaran idea selesai proses berikut merupakan urutan penghasilan diorama.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.8 ARTIS RUJUKAN

2.8.1 UMIBAIZURAH MAHIR

Setelah meneliti mengenai arca, saya memilih Umibaizurah Mahir iaitu artis arca seramik beliau menghasilkan karya arca yang menggunakan subjek sebagai metafora dalam karya arca beliau. Beliau juga menggunakan haiwan sebagai subjek metafora karya arca beliau seperti zirafah, gajah, arnab, burung, ajing, anak patung dan sebagainya.

Menurut Noor Mahnum Mohamed (2018) pemilihan subjek seperti anjing didalam karya artis itu membawa kepada lambang persahabatan dan kesetiaan manakala subjek gajah pula memberi pandangan kepada kemegahan. Segala pemilihan subjek metafora yang digunakan oleh beliau di dalam karya arca dan instalasi mempunyai lambang daripada hasil pemerhatian artis terhadap kemanusiaan serta menyentuh kepada isu-isu seperti cinta, kejujuran dan kesetiaan dari segi politik dan ekonomi.

Penggunaan subjek yang dipilih oleh beliau jelas boleh dilihat di dalam karya yang dipilih oleh beliau melalui proses perkembangan idea dari segi bentuk yang menjadikan ia lebih dramatik. Menurut Ho Kay Tat (2016) berkata penggunaan metafora pada karya instalasi yang bertajuk “Faragile” menggunakan subjek zirafah bagi mewakili individu atau keluarga yang mengalami masalah kewangan untuk meneruskan hidup sehingga sanggup menjual barang kepunyaan mereka sendiri. Penggunaan subjek ini jelas dapat dilihat dalam karyayang berbentuk tiga dimensi.



Gambar 4: Umibaizurah Mahir, The Orchard

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.8.2 MOHD IHSAN MOHD SAIDI

Mohd Ihsan Mohd Saidi, 34 merupakan artist reference kepada arca diorama. Beliau berasal dari Besut dan juga seorang ayah kepada tiga anak. Encik Ihsan berkata, hobi sampingan beliau mencipta arca diorama ini bermula empat tahun lalu dengan membina sebuah rumah kampung yang bercirikan tradisional, dilengkapi dengan suasana persekitaran asal di kampung nelayan pada sekitar 1990-an.

Menurut Media Permata (2020) Encik Ihsan menggunakan diorama suasana kampung sebagai subjek matter beliau kerana ini bertujuan bagi membantu generasi muda merasai suasana kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Setiap rekaan yang dibina diinspirasi daripada rumah pusaka atau suasana kampung halamannya yang terletak di Kampung Pangkalan Sentul, Jerneh dan pengkampungan nelayan.

Pada mulanya Encik Mohd Ihsan berkata beliau dahulunya hanya menggunakan batang aiskrim serta barangan yang dibeli dari kedai serbaneka bagi mencipta rekaan pertama beliau pada waktu itu. Kini beliau menggunakan bahan-bahan seperti kayu dan pewarna yang dibeli dari kedai serbaneka manakala model seperti kenderaan mini akan dibeli secara dalam talian ataupun ketika beliau pergi ke Kuala Lumpur.

Untuk menghasilkan model diorama yang menarik dan hidup di mata yang melihatnya, beliau akan memastikan model yang dihasilkan oleh beliau perlulah mempunyai sentuhan kreativiti, ketelitian serta kesabaran yang tinggi. Selain itu, beliau juga mendapat tempahan dari luar Terengganu dan jabatan-jabatan kerajaan dan swasta mahupun institusi pengajian malah karyanya juga pernah dipinjam bagi tujuan pameran.




Gambar 4: Encik Ihsan bersama hasil karya beliau

2.8.3 RAY ANDERSON

Ray Anderson mempunyai hasil yang produktif pada tahun 70-an dan 80-an dan beliau juga telah menerbitkan sebuah buku berjudul *The Art of the Diorama* melalui Kalmbach pada tahun 1986. Pada usia 91 tahun, minatnya beralih dari pemodelan fizikal ke animasi computer.

Ray bekerja dengan skala Historex yang berskala tinggi, kira-kira 60 mm, mengubahnya dan memahat menggunakan kertas tisu dan plastik sekerap yang dicairkan dalam simen, dan dia menggunakan pendarfluor hampir secara eksklusif untuk pencahayaan.

Seterusnya, ideanya mengenai komposisi, perspektif unik, kotak luar berwarna-warni, dan banyak aspek lain dalam pembinaan diorama kotak tetap memberi inspirasi. Sampel karyanya ini berasal dari Muzium Ketukangan Internet, dan beberapa karya dipamerkan di muzium fizikal di Carlsbad, California.



Gambar 5: The Day Jeb Finally Hit Paydirt



Gambar 6: "A problem on the Powder River"

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

3.0 METODOLOGI

Metodologi kajian ialah satu prinsip atau tatacara yang utama semasa menjalankan satu kajian tertentu kerana ia sangat menitikberatkan suatu maklumat serta menganalisis data tersebut dengan jelas bagi menghasilkan dapatan kajian yang boleh membantu suatu kajian dengan baik. Dalam sesebuah kajian yang dijalankan, ianya memerlukan pelbagai kaedah dalam memperoleh data atau dapatan kajian. Dengan data yang mencukupi, barulah sesebuah kajian yang dikaji itu dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik. Untuk mendapatkan data yang baik ini, kaedah mestilah dilakukan mengikut prosedurnya yang telah ditetapkan.

Hal ini kerana, ia menjadi penggerak terbesar dalam merungkai segala persoalan yang dikaji selari dengan dapatan kajian yang diperolehi. Dengan itu, metodologi boleh dijadikan alat bantuan yang berkesan supaya para pengkaji dapat meneliti dan menapis segala maklumat yang diperolehi dengan betul, serta memahami dapatan kajian dengan baik setelah menjalankan proses metodologi kajian secara terperinci. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa metodologi kajian merupakan satu jalan penyelidikan yang berkesan bagi menjawab isu-isu berkaitan kajian yang dihendaki dengan tepat dan jelas.

3.1 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian adalah salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam mengumpul data-data penting bertepatan dengan kajian yang dikehendaki bagi menjawab kepada soalan penyelidikan yang telah ditetapkan. Ia juga merupakan satu proses penyediaan maklumat yang seringkali digunapakai oleh para pengkaji dalam meneliti suatu maklumat dengan lebih mendalam. Dengan itu, instrument kajian ini sangat diperlukan bagi memahami suatu konsep berkenaan soal sikap, pandangan atau pendapat, keterangan berkenaan latar belakang atau suatu sumber yang berbentuk primer dan sekunder dengan teliti. Hal ini demikian, terdapat banyak alat yang disediakan dalam instrument kajian antaranya, borang soal selidik, borang temu bual dan kaedah rujukan yang pelbagai bagi memperolehi data maklumat.

3.2 KUALITATIF

Kajian kualitatif merupakan suatu cara yang dilakukan semasa melakukan kajian untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Kaedah kualitatif ini juga dilakukan untuk mengumpul maklumat dan memperoleh pemahaman daripada kajian yang dilakukan. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah yang lebih berkesan seperti pemerhatian, temubual, penulisan dan analisis dokumen. Selain itu, kajian ini juga dijadikan sebagai suatu proses kaedah untuk pengumpulan data yang kebiasaannya digunakan apabila melihat sesuatu permasalahan sosial.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Terdapat beberapa kaedah dan cara dalam pengumpulan data yang boleh digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kaedah dengan lebih sistematik dan memenuhi objektif kajian yang diperlukan pengkaji.

3.3.1 DATA SEKUNDER

Data sekunder merupakan informasi atau maklumat yang dikumpul dan bukan sahaja bagi kepentingan dalam kajian yang dilakukan malah bagi tujuan lain. Kaedah sekunder ini juga boleh dianggap sebagai panduan bagi menyokong beberapa fakta yang diperoleh daripada responden. Oleh itu, cara untuk mengumpul maklumat adalah sangat penting bagi memperolehi hasil kerja yang baik dan bermutu. Kaedah data sekunder merupakan kaedah yang menyokong info-info yang diperolehi daripada responden. Terdapat beberapa kaedah sekunder yang boleh digunakan seperti bahan rujukan seperti jurnal, majalah, buku ilmiah, internet dan sebagainya.

3.3.1.1 KAJIAN PERPUSTAKAAN

Semasa saya menjalankan kajian ini, saya juga telah menggunakan sumber-sumber rujukan daripada bahan-bahan bercetak dan elektronik seperti buku rujukan serta sumber yang terdapat daripada internet. Kajian perpustakaan ini sangatlah penting kerana pengkaji dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan kajian yang bakal dilakukan.

Hal yang demikian, hasil daripada kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam memperoleh bahan atau maklumat tentang tajuk yang hendak dikaji. Ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga info-info tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini. Pengkaji juga dapat menambah pengetahuan mengenai tajuk yang dikaji hasil daripada kajian perpustakaan yang telah dilakukan.

Selain itu, kaedah ini penting bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan pengkaji lakukan. Kajian perpustakaan ini mempunyai banyak manfaat dalam menyiapkan bab satu dan bab dua iaitu bahagian yang melibatkan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian.

Hal ini juga dapat memudahkan pengkaji dalam mencari bahan atau sumber rujukan yang sesuai dengan tajuk kajian. Ini kerana tajuk kajian saya memerlukan rujukan daripada artikel-artikel seperti surat khabar, majalah dan sebagainya. Sumber rujukan ini banyak menerangkan isu semasa yang dihadapi di negara ini. Di samping itu, kebanyakan artikel hanya boleh didapati dalam perpustakaan seperti Berita Harian, Astro Awani, Harian Metro dan lain-lain lagi.

3.3.1.2 LAMAN SESAWANG/INTERNET

Kaedah terakhir yang digunakan oleh pengkaji adalah internet. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi memperoleh data serta maklumat terkini yang boleh digunapakai bagi menyempurnakan kajian saya. Maklumat yang diperoleh melalui kaedah ini dapat menguatkan lagi hasil kajian saya.

Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mencari info sekiranya pengkaji tidak dapat menemukan sebarang maklumat atau data yang berkaitan dengan penyelidikan daripada mana mana buku mahupun artikel atau jurnal. Contohnya, isu yang dikaji oleh pengkaji memerlukan alternatif lain untuk mencari maklumat iaitu melalui laman sesawang untuk melihat sebarang bentuk yang berkaitan maklumat dengan skop yang luas. Melalui kaedah ini pengkaji akan mendapat maklumat dengan lebih terperinci.

3.3.2.1 DATA PRIMER

Data primer adalah data yang terhasil daripada penelitian secara langsung dan dikumpulkan bersama bagi mengenal pasti beberapa faktor khusus yang diperlukan dalam kajian. Data primer kebiasaannya, dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual atau soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi membantu dalam menyiapkan kajian ini. Bagi mendapatkan data primer, saya menggunakan kaedah borang selidik iaitu Google form dan temu bual dengan artis seni diorama.

3.3.2.3 TEMU BUAL

Temu bual merupakan instrumen yang sangat penting untuk dibincangkan bagi mengumpulkan data. Temu bual adalah satu kaedah yang terdapat dalam kualitatif dan kaedah ini juga memerlukan untuk menemubual individu yang dipilih bagi memperolehi maklumat dalam menjalankan penyelidikan yang dikaji. Temu bual dengan responden secara tidak formal iaitu melalui aplikasi whatsapp dan atas

talian yang melibatkan topik-topik yang berkaitan dengan hasil karya responden, isu-isu semasa dan kehidupan seharian mereka sama ada yang telah berlaku mahupun semasa berlaku seperti isu yang dikaji oleh saya iaitu isu covid-19.

Kaedah ini terbaik bagi mendapatkan maklumat daripada responden secara terperinci. Maklumat yang saya perolehi dilakukan melalui kaedah temu bual secara atas talian dengan pihak yang telah dipilih iaitu Encik Mohd Ihsan Mohd Saidi, 34 yang mana merupakan artis bagi rujukan arca diorama. Beliau berasal dari Besut, Terengganu dan menetap di Kuala Terengganu.

Setelah meneliti kajian ini, saya mendapati Encik Ihsan adalah rujukan yang sesuai bagi mengkaji ilmu pengetahuan berkaitan seni diorama kerana arca beliau memberi inspirasi kepada saya di mana beliau menitik beratkan tentang campuran seni bina dan warisan dengan kisah dan kenangan beliau sendiri. Hobi diorama beliau bermula dari tahun 2015 kerana dari zaman kecil lagi beliau sangat suka mencipta benda-benda baharu daripada bahan terbuang. Hal ini telah menjurus beliau mula menumpukan karier dalam bidang ini pada dua tahun lepas dan beliau sekarang menumpu kepada diorama reka bentuk rumah tradisional. Beliau juga menerangkan Oleh itu, terdapat persamaan yang boleh diguna pakai semasa saya menjalankan kajian ini.

Mohd Ihsan yang bertugas sebagai pembantu operasi di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu di Chendering di sini berkata, diorama tanah perkuburan yang dihasilkan mempunyai empat model berbeza dari segi saiz serta rekaan dan dijual pada harga RM35 hingga RM75 termasuk pos. Beliau berkata, antara bahan diperlukan bagi

menghasilkan sesebuah diorama kubur ialah gabus, plaster, rumput sintetik, pokok, bahan polyvinyl chloride (PVC), kain dan bekas plastik.

3.3.2.4 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu secara terus atau dikenali sebagai direct observation dan pemerhatian melalui penglibatan (participant-observation). Pengkaji tekah memilih kaedah pemerhatian secara terus kerana ia melibatkan pemerhatian secara langsung seperti melihat suasana semasa covid-19, melihat berita mengenai isu tersebut dan mengetahui jumlah peningkatan kes serta jumlah kematian disebabkan wabak covid-19 ini. Pengkaji kualitatif secara tidak langsung akan melakukan pemerhatian berperanan terhadap topik yang dikaji.

RUMUSAN

Berdasarkan penerangan yang terperinci yang telah dinyatakan dalam bab ini, pengkaji telah berusaha untuk mengikuti metodologi dan prosedur yang telah digariskan dengan sebaik mungkin. Ini untuk memastikan kajian yang dijalankan ini mencapai objektif yang telah digariskan.

Metodologi perlu dijalankan sebelum melakukan sebarang kajian kerana mutu sesuatu kajian bergantung kepada penggunaan metode yang sesuai dengan tujuan kajian serta permasalahan yang telah ditentukan. Berdasarkan penerangan yang jelas dalam bab ini, saya telah berusaha sedaya upaya untuk mengikut kaedah yang ditetapkan bagi memastikan kajian ini dijalankan boleh mencapai objektif dengan lancar.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan gabungan seni diorama dan arca relief sebagai inspirasi bagi isu pembaziran makanan. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak penggunaan media untuk mempengaruhi pandangan masyarakat apabila melihatnya dan menyampaikan pengisian arca yang terhasil. Dalam bab tiga ini merupakan metodologi iaitu kaedah apa yang bakal digunakan bagi menganalisis untuk mendapatkan bukti dalam menjalankan kajian. Bab tiga ini juga menerangkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ini seterusnya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Bab ini telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang telah di aplikasikan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan melaporkan berkaitan penemuan kajian bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.

BAB 4

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dalam dapatan kajian yang terdapat dalam bab 4 ini, saya telah menganalisis data yang telah dikumpulkan melalui kaedah kajian yang dapat menerangkan maklumat dengan lebih terperinci. Dalam topik bab yang sebelumnya, telah diberitahu bahawa kaedah kualitatif yang digunaka dalam penyelidikan ini.

Data pemerhatian turut dianalisis bagi menguatkan lagi data mengenai isu semasa yang dikaji iaitu isu covid-19. Melalui data pemerhatian, pengkaji dapat menyatakan lebih banyak lagi mengenai seni diorama dan isu covid-19 selain yang terdapat dalam temu bual responden. Gabungan data temu bual dan pemerhatian dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kajian ini.

4.1 TEMU BUAL

Temu bual merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan penting dan mempunyai maklumat yang tepat. Ini kerana penyelidik dapat memperolehi maklumat secara terus daripada responden kajian. Hal yang demikian, dalam penyelidikan yang dilakukan ini menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan temu bual secara terus disebabkan covid-19.

Oleh itu, pengkaji telah membuat keputusan untuk melakukan temu bual melalui aplikasi whatsapp dan atas talian. Kaedah temu bual menjadi antara kaedah untuk memperolehi maklumat

daripada responden kajian. Sebelum pengkaji menghubungi responden kajian iaitu Encik Ihsan, pengkaji terlebih dahulu menyediakan soalan-soalan yang akan digunakan semasa sesi temu bual.

4.2 ANALISIS JAWAPAN DALAM TEMU BUAL MELALUI APLIKASI WHATSAPP DAN ATAS TALIAN

Berdasarkan skrip jawapan responden dalam temu bual yang dijalankan, penyidik telah mengenal pasti beberapa kelebihan mereka dalam menjawab kesemua soalan yang telah dikemukakan kepada mereka. Analisis jawapan responden yang disertakan dengan soalan yang telah penyelidik sediakan adalah seperti berikut:

4.2.1 Analisis jawapan temu bual dalam soalan 1

Segelintir daripada responden, apabila soalan yang ditanya, mereka akan menjawab dengan lebih ringkas dan padat. Berikut adalah contoh soalan 1 beserta jawapan responden:

- a) Bolehkan anda terangkan sedikit latar belakang tentang diri anda?

Jawapan responden:

Nama penuh responden dikenali sebagai Encik Mohd ihsan bin mohd saidi dan berumur 35 tahun. Beliau berasal dari Besut Terengganu dan menetap di Kuala Terengganu.

4.2.2 Analisis jawapan responden dalam soalan 2

Berdasarkan contoh jawapan yang dikemukakan oleh responden dalam soalan 2, responden juga telah menerangkan bagaimana beliau melibatkan diri dalam seni diorama.

- b) Apakah yang mendorong anda untuk anda menghasilkan diorama yang menarik ini?

Jawapan responden:

Hobi beliau dalam seni diorama bermula pada tahun 2015. Hal ini bermula sewaktu beliau masih kanak-kanak kerana pada zaman tersebut, beliau sangat suka mencipta benda-benda baharu daripada bahan terbuang. Sejak kebelakangan ini, beliau mula bergiat dalam bidang ini iaitu seni diorama.

4.2.3 Analisis jawapan dan soalan responden dalam soalan 3

Berdasarkan contoh jawapan yang dikemukakan oleh responden yang melibatkan bahan yang digunakan oleh beliau.

- c) Apakah bahan-bahan yang selalu anda gunakan?

Jawapan responden:

Beliau menceritakan bagi menghasilkan sebuah diorama kubur, bahan-bahan yang diperlukan terdiri daripada gabus, plaster, rumput sintetik, pokok yang dibuat sendiri daripada dawai dan serbuk pokok yang dipanggil sebagai foliage.

antara bahan diperlukan bagi menghasilkan sesebuah diorama kubur ialah gabus, plaster, rumput sintetik, pokok, bahan polyvinyl chloride (PVC), kain dan bekas plastik.

4.2.4 Analisis jawapan responden terhadap soalan 4

Berdasarkan contoh jawapan yang dikemukakan oleh responden yang melibatkan cara beliau mempamerkan. Dengan itu pengkaji dapat mengetahui cara beliau mempamerkan dengan jawapan yang responden yang telah diberitahu.

d) Bagaimanakah cara anda mempamerkan hasil kerja anda kepada umum.

Jawapan responden:

Beliau menerangkan cara beliau menjual serta mempamerkan hasil-hasil kerja yang dicipta oleh beliau iaitu di laman facebook dan di Instagram.

4.3 PENGHASILAN LAKARAN AWAL

Lakaran awal sangatlah penting dalam kajian ini kerana dengan adanya lakaran awal, pengkaji tidak tersasar dengan tajuk yang ingin dikaji iaitu berkaitan dengan isu semasa yang telah diinspirasi ke dalam seni diorama.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 PEMILIHAN LAKARAN AKHIR

Pemilihan lakaran akhir dilakukan setelah mengumpul lakaran awal yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah mengolah idea yang ingin dilakukan, maka hasil lakaran akhir yang dijadikan sebagai karya akhir pengkaji. Setiap motif yang terdapat pada lakaran menyampaikan makna-makna yang tertentu.



MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5 Proses Pembuatan Karya Akhir

Proses membuat karya akhir telah mengikut proses, antaranya ialah bahan yang digunakan dalam menghasilkan karya adalah bahan yang memerlukan pengkaji terpaksa membeli di atas talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu tanah liat, rumput sinetik, plaster, gabus dan sebagainya. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengkaji bahan tersebut dengan cara yang kreatif berpandukan tunjuk ajar daripada respondent temu bual pengkaji iaitu Encik Ihsan.

Pengkaji akan menghasilkan dua karya arca seni diorama yang bersaiz 210mm x 297mm dan 9cm x 7cm mempunyai pelbagai motif dan makna di setiap aarca yang diinspirasi dari isu semasa iaitu covid-19.

Salah satu karya pengkaji menggunakan mounting board bagi memudahkan bahan-bahan yang digunakan diletakkan dia atas mounting board tersebut. Hal ini kerana, mounting dapat menampung berat bahan yang digunakan.



Gambar 7 Pvc board digunakan sebagai papan batu nisan kubur



Gambar 8 Pvc strip digunakan sebagai bingkai kubur



Gambar 9 Modelling tools clay digunakan untuk membentuk tanah liat



Gambar 10 Kabus digunakan untuk membuat kubur liang lahad



Gambar 11 Pasir dan batu halus digunakan untuk meletakkan di dalam kubur sebagai tapak




Gambar 12 Plaster atau Crack filler digunakan untuk menghasilkan texture tanah




Gambar 13 Kereta mainan dan askar mainan digunakan sebagai motif frontliner



Gambar 14 Carpenter Glue digunakan untuk menampal bahan-bahan




Gambar 15 Rumput sintetik dan pokok dijadikan sebagai hiasan



Gambar 16 Menampal rumput sintetik diatas mounting board dan bingkai kubur di atas rumput menggunakan Carpenter Glue



Gambar 17 Meletakkan pasir dan batu halus didalam bingkai kubur



Gambar 18 Meletakkan batu nisan yang diperbuat daripada pvc board kedalam kubur



Gambar 18 Meletakkan kereta mainan dan askar mainan mengikut komposisi yang dikehendaki



Gambar 19 Meletakkan pokok di atas permukaan rumput



Gambar 20 Mengikat tisu menggunakan benang berwarna supaya kelihatan seperti jenazah

4.6 PENJELASAN KARYA AKHIR

Karya seni akhir yang dihasilkan terbahagi kepada beberapa langkah untuk menghasilkannya. Antaranya ialah dengan mengenal pasti bahan yang akan digunakan di dalam diorama ini. Seterusnya adalah pengkaji perlu menghasilkan karya seni dan menyelesaikan karya tersebut. Pengkaji menghasilkan siri karya seni yang mempamerkan pelbagai warna yang berbeza bagi menjawab elemen dan unsur tertentu yang berkaitan dengan isu COVID-19.

Diorama ini mempunyai maksud mendalam sekali untuk menjelaskan isu semasa berkaitan pandemik COVID-19 yang masih tiada penghujungnya lagi buat masa sekarang. Justeru itu, tentera-tentera tersebut mewakili semangat perjuangan barisan hadapan negara kita yang sanggup berkorban masa dan tenaga demi mengatasi isu rentas daerah serta negeri. Hal ini demikian seperti mana yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengurangkan risiko virus tersebar dan bermutasi menjadi varian baharu yang lebih bahaya.

Selain itu, beberapa kenderaan tentera mengawasi jalanraya yang terdapat daripada diorama ini turut menjadi simbolik terhadap pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menjayakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Malah, terdapat askar di jalanraya diorama ini sebagai analogi sekatan jalanraya yang dijalankan semasa PKP.


Bahkan, diorama yang saya bina ini mempunyai replika tanah perkuburan dan jenazah yang menggambarkan bahawasanya, bahaya sekali virus COVID-19 sehingga boleh membawa kepada kematian. Terbitan idea ini diaptasikan daripada keratan akhbar baru-baru ini mengenai kematian tiga beranak ayah, ibu dan anak yang disebabkan oleh COVID-19.

Kematian para pesakit virus parah yang berlanjutan ini begitu menyayat hati kerana ahli keluarga yang lain tidak dapat menguruskan urusan mandi serta pengebumian jenazah mereka.

Malah, sepanjang tempoh kuarantin mereka di hospital juga mereka tidak boleh dilawati dan dikunjungi oleh keluarga, sanak-saudara serta rakan.



Gambar 21



Gambar 22



Gambar 23



Gambar 24

BAB 5

5.0 KESIMPULAN

Secara umumnya dalam bab ini, penyelidik telah mengupas dan memperincikan dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian iaitu temu bual Encik Ihsan dan pemerhatian. Penganalisan data dalam bab ini dilakukan secara huraian terperinci dan melalui respon daripada responden yang terkandung dalam instrumen temu bual.

Namun begitu, maklumat-maklumat yang diperolehi daripada dapatan kajian ini diharap boleh membantu kajian seterusnya yang mempunyai topik kajian yang sama atau hampir sama dengan topik kajian ini. Pengkaji juga turut sama melakukan huraian analisis kajian yang telah dikemukakan dalam Bab Pertama. Dengan huraian daripada analisis bab ini dapat menjawab segala soalan kajian yang telah dikemukakan. Dapatan analisis kajian ini seterusnya akan dibincangkan dalam Bab Lima selepas ini, diikuti dengan penutup kajian.

BIBLIOGRAFI

1. <https://www.nejm.org/doi/full/10.1056/nejme2002387>
2. <https://www.sinarharian.com.my/article/119026/GLOBAL/Perincian-kajian-asal-usul-Covid-19-di-China-akan-didedah-WHO>
3. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-di-persimpangan-covid19-detik-dan-cabaran-masa-kini-241494>
4. http://studentsrepo.um.edu.my/3859/5/BAB_4.pdf
5. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf
6. https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19